

# MPP, pentadbiran Kuktem anjur dialog

**M**AJLIS Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) sesi 2006/2007 akan menganjurkan program dialog bersama pihak pentadbiran universiti berkenaan, semester depan.

Yang Dipertuanya, Shuhairy Said, berkata dialog terbuka kepada semua pelajar Kuktem itu bertujuan memperkukuhkan persefahaman dan mempertingkatkan hubungan kerjasama semua pihak terbabit.

Beliau berkata, perancangan itu selaras dengan agenda MPP berkenaan untuk memfokuskan perjuangan mereka ke arah peningkatan kebajikan pelajar Kuktem.

"MPP akan berusaha memainkan peranan berkesan sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pentadbiran universiti supaya tidak berlaku jurang komunikasi.

"Di samping itu, kita juga berhasrat mengemukakan beberapa cadangan, antara lain

diwujudkan pusat kegiatan pelajar dalam kampus yang akan menyediakan pelbagai kemudahan seperti pejabat pos.

"Ketika ini, pelajar terpaksa membazir masa dan membayar tambang pengangkutan awam untuk keluar menguruskan perkara sedemikian di luar kampus," katanya.

Majlis penyerahan watakah pelantikan dan mengangkat sumpah jawatan ahli MPP sesi 2006/2007 yang dihadiri Rektornya, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, diadakan baru-baru ini.

Shuhairy berkata, pihaknya juga akan membantu universiti membentuk mentaliti kelas pertama di kalangan pelajar bertepatan dengan pelbagai prasarana bermutu disediakan dalam kampus.

"Dalam konteks ini, MPP akan berusaha memberi kesedaran mentaliti supaya tidak lagi berlaku masalah seperti ponteng kuliah dan gagal menyelesaikan tugas diberi," katanya.

Selain Shuhairy, Kabinet MPP Kuktem kali ini turut dibarisi Luq Luq Jamaluddin sebagai Timbalan Yang Dipertua, Mohd Addli Suhaimi (Naib Yang Dipertua 1), Mohd Shaiful Suliman (Naib Yang Dipertua 2), Nurul Farhana Bani (Setiausaha) dan Firzulia Ahmad Termizi (Bendahari).

Seterusnya, Mohd Khalis Sulaiman (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan), Low Cay Ling (Pengerusi Jawatankuasa Akademik & Kerjaya), Fathul Naim Abdul Jamil (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan dan Komuniti), Munasuhaili Zakaria (Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan dan Tugas-tugas Khas).

Muhammad Yusri Md Yusof (Pengerusi Jawatankuasa Penerangan dan Penerbitan), Nur Munirah Abdul Wahab (Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Kebudayaan) serta Mohd Ubaidallah Ab Rashid (Pengerusi Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi).